

# Berhati-hati pilih wakil rakyat

# Jangan jual

BN 24 NOV 1989

# undi: Mahathir

**ALOR STAR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya jangan sesekali menyalahgunakan kuasa memilih pemimpin atau menjual undi untuk menaikkan golongan tertentu.**

Perdana Menteri berkata, kuasa demokrasi tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya, terutama untuk menaik atau menjatuhkan pemimpin tertentu.

"Kita mesti berhati-hati memilih wakil rakyat. Kalau kita menggunakan undi bagi menjatuhkan orang lain semata-mata untuk mendapatkan duit, akhirnya kita yang rugi," katanya dalam perjumpaan khas dengan lebih 2,000 pegawai kerajaan dan badan berkanun peringkat negeri Kedah di sini, hari ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff dan Ahli-Ahli Exco Negeri Kedah, turut hadir.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat diberi tugas untuk memilih wakil rakyat lima tahun sekali, tetapi parti yang hendak dipilih mestilah satu parti yang kuat bagi membolehkan kerajaan yang kuat dibentuk.

"Kalau kita memilih sebuah parti dengan memberinya sedikit saja lebihan wakil dalam Parlimen, tentu akan wujud kerajaan yang lemah dan tidak stabil.

"Dalam keadaan ini, pentadbiran kerajaan juga akan kucar-kacir kerana parti berkenaan lebih memberi tumpuan untuk mendapatkan populariti bagi mengekalkan kuasa," katanya.

Perdana Menteri berkata, semakin banyak parti diwujudkan juga akan menyebabkan rakyat semakin berpecah kerana tidak ada parti yang dapat membentuk kerajaan disebabkan kekurangan kerusi di Dewan Rakyat.

Menurutnya, sistem demokrasi bukan mudah untuk diuruskan, apatah lagi di Malaysia yang mempunyai penduduk berbilang kaum, kerana ia memberi kuasa dan kebebasan kepada semua pihak berbanding sistem raja feodal dan diktator.

"Demokrasi boleh membawa keburukan kalau kita tidak

Oleh  
**MAHFAR ALI**

menggunakannya untuk kebaikan," katanya.

Oleh itu, katanya, rakyat, wakil rakyat serta jentera kerajaan harus memahami tugas dan hak masing-masing bagi menjamin keamanan dan pembangunan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat harus menilai sendiri dan memahami orang yang hendak dilantik supaya wakil rakyat yang dipilih benar-benar berwibawa dan waras.

"Yang dipilih pula hendaklah bertanggungjawab. Jangan kita menganggap apabila menjadi menteri, kita boleh bermaharajalela dan menggunakan kedudukan untuk kepentingan diri dan memenuhi nafsu," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, pegawai kerajaan juga perlu akur dengan arahan wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat untuk membentuk kerajaan.

"Kalau yang bersenjata, seperti polis dan tentera tidak mematuhi arahan pemerintah, maka berlakulah perebutan kuasa di kalangan pasukan bersenjata seperti di sesetengah negara hingga menghancurkan negara," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun bangga kerana di negara ini rakyat menghormati sistem demokrasi dan undang-undang manakala wakil rakyat diterima sebagai kerajaan.

Dalam ucapan hampir sejam, Datuk Seri Dr Mahathir juga menegaskan bahawa tindakan 16 wakil rakyat Barisan Nasional (BN) menyertai Semangat 46 tidak mengancam BN.